

Borneo Art rancakkan industri seni lukis di UMS

UB 31.12.2017 B5

SEKUMPULAN mahasiswa Seni Kreatif (major penulisan) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif menubuhkan Borneo Art Sdn. Bhd, sebuah syarikat jualan lukisan, bagi membantu para pengkarya khususnya pelajar UMS.

Ditubuhkan di bawah subjek Pengurusan Industri Kreatif di UMS, visi Borneo Art adalah untuk menjadi sebuah syarikat jualan lukisan yang terulung, dinamik, kreatif serta budaya saing menerusi pakatan berpasukan yang teguh dan mantap.

Manakala misi syarikat ini pula

adalah menyediakan perkhidmatan berkualiti, kreatif, pantas dan mesra pengguna bagi mencapai tahap kepuasan pengguna secara seratus peratus.

Menurut saudara Amir Sarif, salah seorang mahasiswa yang terlibat dalam usaha penubuhan syarikat ini, beliau berharap penubuhan syarikat lukisan seperti Borneo Art ini mampu memberi kesan yang positif kepada industri seni negara khususnya negeri di bawah bayu ini.

Pelbagai lukisan menarik dan tema yang telah dihasilkan oleh mahasiswa UMS.

Beliau yakin dan percaya hasil lukisan

ini mampu dipasarkan ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana hasil lukisan ini cantik dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Menurut saudara Reno Angkapong pula, harga sebuah lukisan yang dijual juga mempunyai harga yang berpatutan dan mempunyai saiz serta kualiti yang bermutu tinggi menepati kehendak para pelanggan itu sendiri.

Beliau juga mengalu-alukan masyarakat di luar sana khususnya yang berdekatan dengan UMS agar datang sendiri melihat semua hasil karya ini secara terus. -*Artikel sumbangan Amir Haziq Mahmud Sarif*